



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. kami : KPM.600-14/1/20 JLD25(95)

Ruj. tuan : HCK.01.23/27.2KPM/
OVERSEA 2019(1)

Tarikh : 19 Disember 2018

// Rabiulakhir 1440H

Encik Fadzil bin Rabu
Pengarah Program,
Kelab Antarabangsa Hiroshima Kuala Lumpur
No.43-1A Jalan Seri Putra,
Bandar Sri Putra,
43000 Kajang,
Selangor.

Tuan,

KEBENARAN PENGLIBATAN DAN PENGIKTIRAFAN PERINGKAT ANTARABANGSA BAGI PENYERTAAN MURID DAN GURU/PEGAWAI DALAM PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR DAN JARINGAN PENDIDIKAN ANTARABANGSA ANJURAN BERSAMA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA DAN KELAB ANTARABANGSA HIROSHIMA KUALA LUMPUR BAGI TAHUN 2019

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Berdasarkan kecemerlangan kerjasama antara Kelab Antarabangsa Hiroshima dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menganjurkan program Pertukaran Pelajar dan Jaringan Pendidikan semenjak tahun 2001 hingga 2018, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia **tiada halangan** atas permohonan pihak tuan bagi tujuan meneruskan program yang dimaksudkan. Kebenaran perlanjutan program bagi tahun 2019 adalah berpandukan syarat-syarat berikut:


- 2.1 Pihak penganjur perlu bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dalam program ini;
- 2.2 Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;
- 2.3 Perlindungan insurans dan langkah-langkah keselamatan murid disediakan;
- 2.4 Bagi penyertaan guru/pegawai dan murid dalam program luar negara, mereka perlu mematuhi Peraturan Keluar Negara dan mendapat kelulusan dengan mengisi borang Lampiran A dan perlu dihantar untuk sokongan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia dan kelulusan Pegawai Pengawal;
- 2.5 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah yang terlibat bagi penyertaan pembiayaan sendiri;

- 2.6 Penggunaan Jata Negara bersama perkataan Kementerian Pendidikan Malaysia dan sebarang logo yang berkaitan dibenarkan hanya untuk *backdrop*, *banner*, sijil, cenderamata, kad jemputan serta buku program sahaja dan tidak dibenarkan untuk tujuan mendapatkan tajaan atau lain-lain yang bertujuan komersial. Pihak penganjur dipohon untuk menghantar deraf bagi tujuan semakan sebelum membuat cetakan;
- 2.7 Bagi tujuan rekod dan rujukan markah kokurikulum peringkat antarabangsa, pihak tuan dikehendaki mengemukakan satu laporan penuh keseluruhan program-program yang telah dijalankan sebelum tahun semasa berakhir.
3. Kementerian Pendidikan Malaysia berhak menarik balik surat kelulusan sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa. Pegawai Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia, Puan Shahrohan binti Yaakob di talian 03-88721630 atau email shahrohan@moe.gov.my. sedia membantu untuk memberi penjelasan lanjut.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SHAARI BIN OSMAN)

Pengarah

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

b/p Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Pendidikan)

Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. Pengarah, Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
 2. Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri